



1. TUJUAN

Kertas ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor. Seterusnya kajian ini telah dipanjangkan lagi dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-42 yang bersidang pada 19 September 2000 di Kota Kinabalu Sabah.

2. LATAR BELAKANG

Pada 16 April 2001, Ustaz Razali bin Hassanusi, Pegawai Hal Ehwal Islam dan Ustaz Nurhelmi bin Ikhsan, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah membuat kajian dengan En. Mohd Dahuri bin Idris, koordinator, Jabatan Seni Logam Halus, Fakulti Senilukis dan Senireka, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Machang, Kelantan. Kajian ini menjurus kepada kandungan unsur-unsur logam yang terdapat pada emas putih.

3. ASAS PERTIMBANGAN

- a. Dari Abu Musa, bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda, *“Dihalalkan emas dan sutera untuk kaum wanita dari umatku dan diharamkan keduanya terhadap kaum lelaki.”* Terdapat satu riwayat bahawa Rasulullah S.A.W. pernah melihat sebuah cincin dari emas di tangan seseorang, maka Rasulullah S.A.W. meragutnya lalu membuangnya lantas bersabda, *“Seseorang dari kaum sengaja memegang bara api dari neraka lalu diletakkan di tangannya”* lalu Rasulullah S.A.W. meninggalkan lelaki pemilik cincin tersebut dan membiarkan cincinnya terbang di hamparan bumi lantas sebahagian orang berkata kepada si pemilik cincin, *“Rasulullah telah pergi, ambil cincinmu dan pergunakanlah, lelaki itupun menjawabnya dengan tegas,” Tidak, demi Allah, aku tidak akan mengambilnya apa yang sudah dilempar Rasulullah”*.

Menurut para Fuqaha' golongan Maliki, bagi kaum lelaki boleh memakai cincin dari perak asalkan tidak lebih dari dua dirham dengan syarat bertujuan mengikuti jejak Rasulullah S.A.W.

- b. Berdasarkan analogi cincin ini, maka setiap benda yang diperbuat daripada emas (termasuk emas putih) yang dipakai untuk berhias oleh kaum lelaki, maka benda-benda tersebut hukumnya tetap diharamkan bagi mereka.

Rujukan:

Terjemahan Halal Dan Haram Dalam Islam,
Halaman: 705 & 709
Yunus Ali Al-Mudhor

- c. Sebab-sebab lelaki haram memakai emas

عَنْ أَبِي مُوسَى أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أُحِلَّ الذَّهَبُ
وَالْحَرِيرُ لِلْإِنَاثِ مِنْ أُمَّتِي وَحُرِّمَ عَلَيَّ ذُكُورَهَا.

Terjemahan : *Dari Abu Musa, bahawa Nabi S.A.W. bersabda, emas dan perak itu dihalalkan bagi kaum wanita dari umatku dan diharamkan bagi kaum lelakinya.*

(Riwayat Nasa'i, Termizi dan Ahmad)

- d. Islam menghendaki agar perempuan itu mempunyai tabiat khusus, begitu juga dikehendaki dari kaum lelaki. Oleh sebab itu maka Islam mensyariatkan agar masing-masing dari keduanya ini (lelaki dan perempuan) tidak menyerupai antara satu sama lain sama ada dari segi berpakaian, tutur kata, tingkahlaku dan sebagainya.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ الْمُحِثِّينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجِّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ. وَفِي رِوَايَةٍ :
لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ
وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ.

Dari Ibnu Abbas R.A., Dia berkata: Rasulullah S.A.W. telah melaknati orang-orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki. Dan dalam satu riwayat, Rasulullah telah melaknati orang-orang yang menyerupai perempuan dari kaum lelaki dan orang yang menyerupai lelaki dari kaum perempuan.

(Riwayat Bukhari)

Rujukan:

Fikh Sunnah Jilid 14

Halaman: 118 & 123

Sayid Sabiq

- f. Al-Thawabi meriwayatkan, bahawa Rasulullah S.A.W. melarang lelaki memakai cincin daripada emas. Rasulullah S.A.W. telah menjatuhkan laknatnya (laknat Allah) pada lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki sebagaimana yang telah disebutkan dalam sebuah hadith, bahawa Rasulullah S.A.W. melaknati kaum wanita yang menyerupai kaum lelaki dan lelaki yang menyerupai wanita.
- g. Islam mengharamkan pemakaian ini hanya kerana memakai emas boleh menjurus kepada dua perkara. Pertama; menjurus kepada gaya hidup yang mewah dan berlebih-lebihan yang tidak diperkenankan oleh Islam. Kedua; menjurus kepada kemewahan yang dapat merosakkan bangsa dan meniaisiakan harta yang tidak sepatutnya bagi kaum lelaki.

Rujukan:

Terjemahan Halal Dan Haram Dalam Islam

Halaman: 706

Yunus Ali al-Mudhor

- h. Emas Putih terbentuk hasil daripada campuran beberapa unsur logam iaitu emas kuning, tembaga, nikel dan zink. Emas kuning yang digunakan untuk membentuk emas putih adalah dari emas kuning 18 karat (750) atau emas kuning 14 karat (585).
- i. Kadar campuran unsur logam bagi membentuk 1 gram emas putih dalam peratusan adalah seperti berikut:-

Emas kuning (18K)	: 56.94%
Tembaga	: 26.77%
Nikel	: 11.96%
Zink: 4.33%	

Emas kuning (14K)	: 55.55%
Tembaga	: 19.00%
Nikel	: 13.78%
Zink	: 11.67%

- j. Persepsi masyarakat hari ini, terdapat dua kategori emas putih iaitu emas putih yang mengandungi emas kuning dan juga platinum, kedua-duanya dipanggil emas putih.
- k. Campuran unsur logam bagi membentuk platinum tidak mengandungi unsur logam emas kuning. Berikut adalah kadar campuran unsur logam bagi membentuk 1 gram platinum dalam bentuk peratusan:-

Platinum	: 10%
Palladium	: 50%
Perak	: 40%

4. **SYOR**

Dengan ini adalah disyorkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam membuat keputusan mengenai hukum emas putih yang dipakai oleh golongan lelaki.

5. **PENUTUP**

Dengan keputusan ini diharapkan segala permasalahan yang timbul berhubung perkara ini dapat diselesaikan terutamanya kategori antara emas putih dan platinum yang telah menimbulkan kekeliruan pada masyarakat.

*Disediakan oleh:
Jabatan Mufti Negeri Selangor,
Shah Alam.*

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING
HUKUM SYARAK (FATWA) NEGERI SELANGOR**

HUKUM LELAKI MEMAKAI EMAS PUTIH

1. Mesyuarat telah sebulat suara mengesahkan bahawa hukum lelaki memakai emas putih adalah haram.
2. Mengikut salinan jadual kategori nama emas putih yang telah dirujuk kepada “The Compels Meatel Smith 1982” -Hal 141- jelas menunjukkan emas putih terhasil daripada 2 unsur atau lebih logam iaitu emas kuning bercampur tembaga, nikel dan zink.
3. Hujah bagi pengharaman lelaki memakai emas putih kerana kadar emas yang dicampurkan dengan sesuatu logam yang lain adalah lebih tinggi daripada logam berkenaan sehinggakan kadar emas itu melebihi daripada 50% dan adakalanya mencecah sehingga 75%.

LAMPIRAN

JADUAL KATEGORI NAMA EMAS PUTIH

NO.	KARAT %	EMAS %	PERAK %	TEMBAGA %	NIKEL %	ZINK %	ALUMINIUM %	IRON %	PALLADIUM %	PLATINUM %
1	18	75								25
2	18	75							25	
3	18	75			10	5			10	
4	14	58.33		23.5	12.2	5.97				
5	14	58.33		21.1	10.8	8.77				
6	10	41.67		32.8	17.1	8.4				
7	SUASA	22	39	39	<i>Mengikut cita rasa warna, putih atau merah atas baki 78%</i>					